

SKIM PERKHIDMATAN	:	PENOLONG PEGAWAI PENGUAT KUASA	
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM	
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA	
TARAF JAWATAN	:	TETAP	
GRED	:	KP29	
KEKOSONGAN	:	1 (SATU)	
JADUAL GAJI	:	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM
		RM1,493.00	RM5,696.00

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari tahun 18 tahun pada tarikh tutup iklan;

KELAYAKAN LANTIKAN KE JAWATAN PENOLONG PEGAWAI PENGUAT KUASA, KP29

- (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)

Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau

(Gaji permulaan pada Gred KP29 ialah : RM1,493.00);

- (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)

Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau

(Gaji permulaan pada Gred KP29 ialah : RM1,493.00);

- (iii) Bekas Anggota Polis atau Bekas Tentera

Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Sarjan atau setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik; atau

(Gaji permulaan pada Gred KP29 ialah : RM1,493.00);

- (iv) Diploma

Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

(Gaji permulaan pada Gred KP29 ialah: RM1,770.95);

- (v) Diploma

Diploma dalam bidang undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

(Gaji permulaan pada Gred KP29 ialah : RM1,846.15)

(d) **MEMPUNYAI SYARAT-SYARAT UKURAN FIZIKAL DAN PANCAINDERA SEPERTI YANG BERIKUT:**

- (i) Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
- (ii) Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita
- (iii) Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;

- (iv) Mempunyai sekurang-kurangnya 81sm ukuran dada yang biasa dan 86sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
- (v) Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- (vi) Pengecaman warna dan pendengara yang tidak cacat; dan
- (vii) Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Keupujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**PENINGKATAN SECARA
LANTIKAN**

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Penguat Kuasa atau Pemeriksa Kereta Motor Gred AB19, Gred AB22 atau Gred AB26 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Penguat Kuasa Gred KP29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
- (a) (i) Mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) dan 1 (d); dan
 - (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
 - (b) Had umur pelantikan:
 - (i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

- PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**
- 4.** Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
- 5.** Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
- 6.** Pegawai boleh dikehendaki mengikut latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.
- PROGRAM TRANSFORMASI
MINDA/ PEPERIKSAAN**
- 7.** Pegawai dalam tempoh percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**
- 8.** Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
- (a) Memenuhi tempoh percubaan
 - (b) Hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (c) Diperakukan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan
- PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**
- 9.** Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- PEMBERIAN ELAUN DAN
KEMUDAHAN**
- 10.**
- (a) Imbuhan Tetap Perumahan
 - (b) Imbuhan Tetap Khidmat Awam
 - (c) Bantuan Sara Hidup
 - (d) Insentif Khas Penguatkuasa PBT Negeri Johor